

# **MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KEMENTERIAN PERTAHANAN 2017**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2136-majlis-sambutan-hari-raya-aidilfitri-kementerian-pertahanan-2017](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2136-majlis-sambutan-hari-raya-aidilfitri-kementerian-pertahanan-2017)

KUALA LUMPUR, 24 Ju 17 - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertahanan 2017 yang berlangsung di Dewan Seroja dan Padang Kawad Kem KEMENTAH hari ini dihadiri oleh seluruh warga Kementerian Pertahanan.

Ketibaan Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isterinya, YM Tengku Marsilla di Dewan Seroja diiringi oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum dan isteri; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan isteri; Panglima-panglima Perkhidmatan dan isteri serta pegawai-pegawai pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan.

Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM turut beramah mesra bersama tetamu-tetamu yang hadir.

Majlis dihangatkan lagi dengan pemberian sumbangan oleh Menteri Pertahanan kepada KAKEP, Pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz & Asrama Anak Yatim ATM, Ahli Yayasan Chow Kit, Veteran-veteran di bawah Skim Bantuan Kebajikan & Pendidikan Hal Ehwal Veteran ATM, Penghuni Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Al Mawaddah dan PUSPANITA.



